



23 Jun 2015  
23 June 2015  
P.U. (B) 258

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

*REVOCATION OF RESERVATION OF LAND  
FOR PUBLIC PURPOSE*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

ORDINAN TANAH  
(Sabah Bab 68)

[Subseksyen 28(3)]

PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

BAHAWASANYA, melalui Pemberitahuan No. P.U. (B) 403 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan* pada 16 September 1993, Menteri yang bertanggungjawab bagi perkara-perkara yang berhubungan dengan tanah di Wilayah Persekutuan Labuan, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada Kerajaan Persekutuan oleh seksyen 28 Ordinan Tanah [*Sabah Bab 68*], sebagaimana yang diubahsuaikan oleh Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pengubahsuaian Ordinan Tanah) 1984 [P.U. (A) 291/1984], telah merizabkan tanah iaitu dalam daerah Wilayah Persekutuan Labuan seluas 0.809 ha. (2 ekar) dan ditandakan di atas Pelan No. 20124990 bagi maksud awam, iaitu suatu tapak bagi "Beacon Light House dan Trigulasi" dan telah menetapkan bahawa Pengarah Jabatan Laut Persekutuan hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu:

DAN BAHAWASANYA, adalah didapati suai manfaat sekarang oleh Menteri yang bertanggungjawab bagi perkara-perkara yang berhubungan dengan tanah di Wilayah Persekutuan Labuan supaya keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu dibatalkan:

DAN BAHAWASANYA, notis mengenai cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu yang diperihalkan dalam Jadual berserta dengan butir-butir mengenai masa dan tempat di mana suatu siasatan akan diadakan oleh Penolong Pemungut Hasil Tanah Wilayah Persekutuan Labuan di Jabatan Tanah Wilayah Persekutuan Labuan, untuk mendengar mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah terhadap pembatalan itu telah ditampalkan mengikut peruntukan subseksyen 28(3) Ordinan Tanah, sebagaimana yang diubahsuaikan oleh Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pengubahsuaian Ordinan Tanah) 1984 dan juga telah disiarkan dalam *Warta Kerajaan* Persekutuan